

Artikel

**Peranan Media dalam membentuk Struktur Pengetahuan Politik: Pengundi Muda Baharu di Malaysia**  
(*The Role of Media in Shaping Structure of Political Knowledge among New Young Voters in Malaysia*)

Siti Nurshahidah Sah Allam\*, Normah Mustaffa & Mohd Nor Shahizan Ali

Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan  
Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p108531@siswa.ukm.edu.my](mailto:p108531@siswa.ukm.edu.my)

Diserah: 02 Februari 2024

Diterima: 02 Mei 2024

**Abstrak:** Dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia, media memainkan peranan penting dalam membentuk struktur pengetahuan politik dan mendorong kepada tindakan menyertai aktiviti politik di kalangan pengundi muda baharu. Isunya penyelidikan empirikal terhadap struktur pengetahuan politik di kalangan pengundi muda baharu di Malaysia masih kurang diberi perhatian memandangkan topik kesediaan penyertaan politik kian mendapat perhatian dalam forum politik. Objektif kajian untuk menilai tahap struktur pengetahuan politik dari 1) dimensi maklumat demokrasi, 2) dimensi maklumat pilihan raya dan 3) dimensi maklumat parti politik dalam konteks pengundi muda baharu di Malaysia. Penyelidikan kuantitatif ini menggunakan kaedah survei fokus kepada 547 responden yang berusia 18-26 tahun di seluruh Malaysia dari Zon Utara, Timur, Barat, Selatan dan Borneo. Kajian ini melaporkan pengundi muda baharu di Malaysia mempunyai tahap pengetahuan politik yang tinggi terutama bagi maklumat demokrasi dan maklumat pilihan raya. Namun, tahap pengetahuan maklumat parti politik dalam kalangan responden dilaporkan di tahap sederhana. Kajian ini mencadangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia menganjurkan outreach program dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan. Kandungan program ini untuk kempen kesedaran mengundi dan inisiatif strategik untuk meningkatkan jaringan pengundi muda baharu dengan entiti kerajaan. Memuatnaik foto, mencipta kandungan di media baharu dan tag media baharu milik entiti kerajaan ini mampu mencetus data tetapan algoritma di media baharu. Ini adalah strategi 'gesaan' (prompt) kepada tetapan algoritma untuk mencadangkan kandungan berunsur politik dalam media baharu pengundi muda baharu. Hal ini membantu pengundi muda baharu di Malaysia yang kurang minat politik untuk mendapat pendedahan maklumat politik melalui maklumat polisi kerajaan.

**Kata kunci:** Pengundi muda baharu; media baharu; maklumat demokrasi; maklumat parti politik; maklumat pilihan raya

**Abstract:** In a democratic country like Malaysia, the media plays a vital role in shaping the structure of political knowledge and encouraging political participation among new young voters. Lack of empirical study on structure of political knowledge among new young voters in Malaysia conducted even the topic of political participation readiness gain popular in political forums. The objective of this study are to analyse the level of political knowledge structure from 1) democratic information dimension, 2) election information dimension, and 3) political party information dimension among new young voters in Malaysia. This study uses a quantitative approach with a survey method on 547 respondents aged 18-26 throughout Malaysia from the North, East, West, South, and Borneo Zones. The findings reported that new young voters in Malaysia have a high level of political knowledge on democratic information and election information. However, for political

party information at a moderate level. This study suggests that the SPR organize an outreach program in collaboration with the Ministry of Youth and Sports, the Ministry of Education Malaysia, and the Ministry of Higher Education in promoting voting awareness campaigns purposely to increase engagement of new young voters with government entities. Uploading photos, creating content on social media, and tagging the government entities. By using 'prompt' strategy and algorithm tools, it helps new young voters in Malaysia who are less interested in politics gain exposure to political information through government policy information and finally, shape their structure of political knowledge.

**Keywords:** New young voters; social media; democracy information; electoral information; political party information

---

## Pengenalan

Golongan muda terutama pengundi muda baharu menggunakan pelbagai platform media sama ada konvensional (Bruce & Lima, 2019; Hutasoit & Gusfa, 2020), mahu pun digital (Lu & Lee, 2020; Gil de Zúñiga et al., 2021; Ar-robbaniy et al., 2022; Lozano-Blasco et al., 2023; Karimi & Fox, 2023) untuk mendapatkan maklumat politik. Kajian Bruce & Lima (2019) melaporkan kepentingan televisyen kepada pengundi muda baharu yang berdaftar secara automatik untuk mengakses maklumat politik melalui laporan berita. Ini kerana siaran berita daripada televisyen dilaporkan paling dipercayai dan menyumbang kepada tindakan mengundi ketika pilihan raya. Selain televisyen, pengundi muda baharu turut menggunakan media baharu seperti Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok untuk mendapatkan maklumat politik. Pencarian maklumat politik di media baharu turut menjuruskan pengundi muda baharu untuk menyertai perbincangan dalam talian yang tersedia di media baharu.

Kajian Lu & Lee (2020) melaporkan penggunaan Facebook bukan sahaja memudahkan pencarian maklumat politik, malah turut mendorong pengguna Facebook untuk menyertai perbincangan politik secara dalam talian. Perbincangan secara dalam talian mengurangkan tekanan sosial kerana ciri-ciri media baharu yang menawarkan perbincangan interaktif dan interaksi tidak segerak (*asynchronous interaction*). Pelbagai platform mempunyai modaliti yang berbeza untuk komunikasi, jika Facebook untuk berkongsi kandungan politik berbentuk teks yang panjang (Aljalabneh et al., 2023) manakala, Twitter untuk kandungan politik berbentuk teks yang pendek (Sanawi et al., 2022). Penggunaan Instagram adalah untuk memuatnaik kandungan politik berbentuk imej (Boulianne & Larsson, 2023) dan TikTok pula digunakan untuk kandungan politik berbentuk video pendek (Hung, 2022). Ciri-ciri ini menjadikan media baharu adalah platform paling popular yang digunakan oleh pengundi muda baharu untuk mendapatkan maklumat politik bagi memperkukuhkan struktur pengetahuan politik untuk menyertai aktiviti politik.

Tahun 2019 mencatatkan satu sejarah penting apabila Rang Undang-Undang (RUU) yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia digubal bagi had umur mengundi rakyat Malaysia diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Usul ini dibawa oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) di Dewan Rakyat dan telah mendapat sokongan majoriti (Othman et al., 2022). Pada ketika itu, kerajaan PH berpendapat golongan muda terutama 18 tahun (dikenali sebagai pengundi muda baharu) sudah mempunyai minat politik, pengetahuan politik dan mampu menyertai aktiviti politik secara matang. Hal ini berdasarkan pengundi muda baharu ini adalah pengguna media baharu yang paling aktif dalam masyarakat Malaysia dan diramalkan mereka ini terdedah dengan maklumat politik yang terhidang di media baharu (Intyaswati & Venus, 2021). Hal ini dijangkakan membentuk struktur pengetahuan politik yang kukuh sehingga mendorong pengundi muda baharu ini untuk mengundi ketika pilihan raya. Jika terdapat kumpulan pengundi muda baharu yang tidak minat politik, tetapan algoritma yang berada dalam media baharu pasti membawa mereka kepada kandungan politik dan dijangka mencadangkan kandungan maklumat politik, figura politik dan kumpulan forum politik yang relevan dengan kecenderungan media baharu pengundi muda baharu ini (Ohme, 2019). Oleh itu, selagi pengundi muda baharu adalah pengguna telefon pintar yang mempunyai sambungan capaian Internet dan memiliki akaun media baharu, mereka pasti terdedah dengan maklumat politik sama ada secara carian terus atau carian sampingan (*incidental news*) kerana ini adalah cetus fenomena Algoritma (Garz & Szucs, 2023).

Terkini, fenomena algoritma turut menjadi perhatian penyelidik komunikasi politik apabila tetapan algoritma (algorithm setting) di media baharu dilaporkan berfungsi untuk memandu pengguna kepada kandungan media yang selari dengan minat dan kecenderungan mereka (Johansson & Scaramuzzino, 2023). Bagi pengguna media yang mempunyai minat politik yang tinggi, tetapan algoritma ini membantu dalam suapan maklumat politik yang seiring dengan ideologi politik mereka (Unkel & Haim, 2021). Bagi pengguna media yang pasif dalam sfera politik, media sentiasa memastikan agar mereka tidak ketinggalan daripada isu semasa melalui tetapan algoritma di media baharu. Terdapat beberapa isu semasa yang menarik perhatian pengundi muda baharu seperti bantuan kerajaan, subsidi dan biasiswa pendidikan. Penggunaan media baharu untuk mendapatkan maklumat ini secara langsung memberi input kepada tetapan algoritma untuk menyenaraikan laman sesawang kementerian berkaitan dan daripada titik permulaan ini golongan muda yang tidak minat politik sudah mula mendapat pendedahan maklumat politik di media baharu. Justeru itu, media adalah platform yang signifikan untuk pencarian maklumat politik dan amat berkuasa dalam mengukuhkan struktur pengetahuan politik melalui ciri-ciri unik seperti maklumat paling dipercayai, pencarian maklumat menjurus kepada penglibatan diskusi politik secara dalam talian dan fungsi tetapan algoritma yang menghidangkan kandungan media selari dengan minat serta kecenderungan pengundi muda baharu.

Berdasarkan fakta bahawa golongan muda mempunyai struktur pengetahuan politik yang kukuh, maka satu Rang Undang-Undang Perlembagaan (RUU) (Pindaan 2019) diluluskan di Dewan Rakyat yang memperuntukan umur layak mengundi adalah 18 tahun (Mahathir, 2019). Kajian ini berpendapat struktur pengetahuan politik adalah amat penting kepada tindakan penyertaan politik yang berintegriti, matang dan akhirnya, membentuk sebuah sfera politik yang berkualiti. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap struktur pengetahuan politik daripada 1) dimensi maklumat demokrasi, 2) dimensi maklumat pilihan raya dan 3) dimensi maklumat parti politik dalam konteks pengundi muda baharu di Malaysia.

## Sorotan Literatur

Pelaksanaan had umur mengundi di kebanyakan negara maju seperti Argentina, Brazil, Greece (Eichhorn & Bergh, 2021), United Kingdom (Tonge et al., 2021), Jerman, Belgium dan Austria (Lang, 2023) telah melalui fasa penurunan had umur mengundi adalah 16 tahun. Namun, negara-negara Asia seperti China, Jepun, India, Australia, Arab Saudi dan Iran had umur mengundi adalah 18 tahun. Trend had umur mengundi ini turut dipraktikkan di negara Asia Tenggara seperti Filipina, Thailand, Myanmar, Brunei, Vietnam dan Kemboja yang telah melaksanakan had umur mengundi adalah 18 tahun. Berbeza di Indonesia dan Timor Leste, had umur mengundi adalah 17 tahun dan Singapura pula kekal dengan umur 21 tahun. Pemetaan had umur mengundi di negara maju dan Asia termasuklah Asia Tenggara telah mendorong kerajaan Malaysia untuk menggubal RUU Perlembagaan (Pindaan 2019), di mana had umur mengundi diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun (Mahathir, 2019). Pembentangan usul ini dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan di Dewan Rakyat dan telah mendapat sokongan majoriti.

Selain faktor trend global masa kini, penggubalan RUU Perlembagaan (Pindaan 2019) turut berlandaskan bahawa golongan muda di Malaysia mempunyai tahap pengetahuan politik yang kukuh sehingga mendorong tindakan penyertaan politik (Tajuddin et al., 2023). Penyertaan politik yang didasari oleh struktur pengetahuan politik yang kukuh meningkatkan kualiti mengundi, di mana pengundi muda baharu membuat keputusan pengundian selaras dengan hak dan kemahuan mereka terhadap kerajaan. Pengundi muda baharu yang mempunyai struktur pengetahuan yang kukuh dijangka keluar mengundi bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara dalam menentukan kerajaan dan yakin bahawa suara mereka didengari dalam pembentukan sesuatu dasar oleh kerajaan. Justeru itu, penurunan had umur mengundi yang dilaksanakan di Malaysia adalah berlandaskan bahawa pengundi muda baharu mempunyai struktur pengetahuan politik yang kukuh sehingga mendorong mereka untuk mengundi ketika pilihan raya. Ini bermakna struktur pengetahuan politik yang kukuh di kalangan pengundi muda baharu amat penting bagi mendorong kumpulan ini untuk menyertai aktiviti politik dan keluar mengundi (Intyaswati & Venus, 2021). Di samping itu, struktur pengetahuan politik ini adalah asas kepada pelaksanaan demokrasi yang stabil melalui keputusan mengundi yang matang dan berintegriti.

Sorotan kajian lepas terhadap pengujian struktur pengetahuan politik mempunyai skop yang luas sehingga membentuk orientasi struktur pengetahuan politik yang berbeza-beza. Kajian penyertaan politik di

kalangan golongan muda, khususnya faktor pengetahuan politik dalam konteks golongan muda adalah maklumat pilihan raya, maklumat demokrasi, maklumat parti politik (Ohme, 2020; Alscher et al., 2022; Reiter & Matthes, 2023), maklumat demokrasi (Michalski et al., 2023; Sehl & Schützeneder, 2023; Mont'Alverne et al. 2023; Wunderlich & Hölig 2022) dan isu semasa berkaitan politik dan ekonomi (Sowula 2023; Azevedo et al., 2023; Lee et al., 2022) yang dilaporkan dalam pelbagai platform media. Kajian Wunderlich & Hölig (2022) melaporkan golongan muda mencari maklumat demokrasi dan isu semasa dalam media terutama media baharu bertujuan untuk membentuk pendapat dan memahami isu semasa yang berlaku di sekitar mereka. Hal ini mendorong untuk golongan muda menerokai maklumat politik di media baharu dalam pelbagai sumber. Kajian Wunderlich & Hölig (2022) adalah selari dengan Michalski et al. (2023) yang menguji maklumat demokrasi dan isu semasa sebagai ukuran kepada struktur pengetahuan politik di Poland melaporkan isu semasa berkaitan politik adalah signifikan mendorong tindakan menyertai aktiviti politik, manakala maklumat demokrasi, iaitu pengetahuan berkaitan struktur penggubal dasar negara sebenarnya membentuk minat dan keinginan mengetahui tentang politik di kalangan pengundi muda. Selain maklumat demokrasi dan isu semasa berkaitan politik, maklumat parti politik turut menjadi fokus kepada penyelidik lepas untuk pengujian tahap struktur pengetahuan politik golongan muda.

Namun, berbeza pula dengan Kajian Reiter & Matthes (2023) melaporkan pendedahan maklumat politik daripada media baharu dan media arus perdana adalah tidak signifikan dengan penyertaan politik. Walaupun kajian ini dilaksanakan ketika musim kempen pilihan raya dan pengujian maklumat parti politik adalah yang terkini, namun struktur pengetahuan politik berkaitan parti politik dan calon parti politik yang bertanding adalah tidak signifikan terhadap minat politik pengundi muda baharu. Ini kerana pengguna media ini terdedah kepada perspektif politik yang pelbagai daripada pelbagai sumber dan bercanggah antara satu sama lain sehingga memberi tanggapan buruk tentang kredibiliti maklumat politik yang dilaporkan di media baharu (Mohd Faizal, 2023). Ketika musim kempen pilihan raya, platform media baharu amat popular digunakan oleh jentera, calon dan parti politik untuk menyebarkan ideologi politik masing-masing. Bagi meraih kepercayaan dan sokongan pengundi, banyak mesej berunsur provokasi dan ucapan berbentuk kebencian (hate speech) disebar dalam media baharu. Fenomena ini turut dinamakan sebagai keganasan pilihan raya (S. Z. Razali & Abdul Hani, 2022).

Selain orientasi struktur pengetahuan politik yang pelbagai sehingga sukar menemui titik persamaan dalam perbincangan ilmiah, kajian struktur pengetahuan politik daripada penyelidik lepas turut bertumpu kepada golongan muda dan pengundi berpengalaman (Kwiatkowska & Cześnik, 2020; Ohme, 2020; Lee et al., 2022; Reiter & Matthes, 2023; Vogler et al., 2023) berbanding pengundi muda baharu (Mont'Alverne et al., 2023; Meyerhoefer, 2023; (Intyaswati et al., 2021) terutama dalam konteks Malaysia (Halim et al., 2021; Mohd Faizal 2023). Memandangkan pelaksanaan penurunan had umur mengundi masih baharu dalam sfera politik Malaysia, penyelidik komunikasi politik kurang memberi perhatian kepada pengundi muda baharu khususnya dalam konteks struktur pengetahuan politik. Walaupun kajian Halim et al. (2021) fokus kepada pengundi muda baharu di Malaysia dalam skop struktur pengetahuan politik, namun tidak dinyatakan secara jelas pengukuran pengetahuan politik (Mohd Faizal, 2023) yang diukur bersesuaian dengan konteks. Kebanyakan penyelidik yang fokus kepada pengundi muda baharu di Malaysia membincangkan tentang hala tuju pelaksanaan penurunan had umur mengundi (Weiss, 2022; Insani et al., 2020; C. Lee, 2020) dan pola pengundian (Junaidi, 2023; Mohd Nizah & Abu Bakar, 2022; Nizah, 2019) serta kurang memberi fokus kepada pengujian struktur pengetahuan politik seperti maklumat demokrasi, maklumat pilihan raya dan maklumat parti politik.

## Metodologi Kajian

### 1. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif yang berasaskan tinjauan untuk meneroka tahap pengetahuan politik dalam pengundi muda baharu di Malaysia. Menurut Islam et al., (2022), kaedah tinjauan merupakan kaedah yang paling sering digunakan dalam kebanyakan penyelidikan sains sosial. Penyelidikan tinjauan sosial digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang populasi yang besar dan mengukur orientasi tahap intelek orang awam terutama pengundi muda baharu di Malaysia.

## 2. Sampel dan Persampelan

Bagi memastikan kajian meliputi populasi pengundi muda baharu di Malaysia yang menyeluruh, geografi Malaysia dibahagikan kepada lima zon, iaitu Zon Barat melibatkan Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Zon Timur meliputi Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Manakala, bagi Utara melibatkan Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang, manakala Zon Selatan meliputi Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Bagi, Zon Borneo adalah negeri Sabah dan Sarawak (Sahide & Pauzi, 2023). Setiap negeri di setiap zon yang dipilih adalah turut mewakili kawasan bandar dan luar bandar (Ellyanis et al., 2020). Responden kajian adalah warganegara Malaysia yang berumur 17 hingga 26 tahun. Kumpulan pengundi muda ini dipilih berdasarkan faktor usia mencapai 18 tahun ketika pengumpulan data dilaksanakan (2022) dan tidak pernah mengundi pada Pilihan Raya Umum ke -14 kerana usia tidak mencapai 21 tahun (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2022). Seramai 547 responden telah menjawab soalan survei yang diedarkan secara bersemuka ketika musim kempen Pilihan Raya ke-15. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Teknik ini memastikan setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama dipilih untuk menyertai kajian. Selain itu, teknik persampelan ini menjamin bahawa sampel yang dipilih mewakili populasi yang besar dan responden yang terlibat dalam kajian ini tiada isu berat sebelah. Hasilnya, data yang diperolehi daripada kajian ini adalah empirikal dan sah berdasarkan jumlah sampel yang mewakili populasi sebenar (Turner, 2019).

Jadual 1. Populasi sasaran kajian melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Barat dan Zon Borneo

Zon	Negeri	Populasi Sasaran	Kawasan
Zon Utara	P.Pinang	395,700	Bandar
	Kedah	574,400	Luar Bandar
Zon Selatan	Johor	885,600	Bandar
	Melaka	238,200	Luar Bandar
Zon Timur	Pahang	437,000	Bandar
	Terengganu	348,500	Luar Bandar
Zon Barat	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	328,800	Bandar
	Selangor	1,344,700	Luar Bandar
Zon Borneo	Sabah	783,200	Bandar/Luar Bandar
	Sarawak	738,400	Bandar/ Luar Bandar
<b>Jumlah</b>		<b>6,074,756</b>	

Sumber: statistik geoportal, Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://statsgeo.mycensus.gov.my/geostats/mapv2.php>)

Merujuk kepada Jadual 1, populasi sasaran kajian yang melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Baran dan Zon Borneo. Data yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia ( 2022) mendapati lebih 6 juta pengundi muda baharu didaftarkan secara automatik di Malaysia yang melibatkan negeri Pulau Pinang, Kedah, Johor, Melaka, Pahang, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Sabah dan Sarawak.

## 3. Kaedah Pengumpulan Data

Bagi memastikan pengumpulan data yang strategik dan efektif, kajian ini menggunakan kaedah bersemuka, iaitu penyelidik bertemu responden bagi mengedarkan set soalan kaji selidik. Penerangan terperinci berkenaan objektif kajian diberikan kepada responden dan mereka yang bersetuju untuk menyertai kajian ini akan diberikan set soalan kaji selidik. Pengumpulan data turut dilaksanakan ketika bahang kempen Pilihan Raya Ke-15 sedang berlangsung dan sorotan kajian lepas melaporkan hal ini memberi rangsangan kepada responden yang mempunyai motivasi untuk mengundi menyertai kajian ini (J. Lee & Hardy, 2019). Pengumpulan data kajian ini berlangsung selama tiga minggu berdasarkan faktor populasi yang besar dan meliputi seluruh Malaysia. Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A merangkumi maklumat demografi dan Bahagian B mengandungi item pengujian struktur pengetahuan politik. Bagi konstruk struktur pengetahuan politik, sub-konstruk terdiri daripada pengetahuan demokrasi (Rogers, 2023), pengetahuan pilihan raya (Kwiatkowska & Cześniak, 2020) dan pengetahuan parti politik (Hermawan et al., 2020).

#### 4. Analisis Data

Dengan berbantuan perisian statistic SPSS versi 28, data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif (Pallant, 2016) bagi analisis profil demografi. Objektif kajian ini adalah untuk menguji tahap struktur pengetahuan politik di kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Menurut Michell (1997), pengujian tahap prestasi individu perlu dikenalpasti faktor tahap keupayaan intelek. Dalam kajian ini, prestasi individu dirujuk sebagai kesediaan penyertaan politik, manakala keupayaan intelek adalah tahap struktur pengetahuan politik. Data tahap struktur pengetahuan politik mengukur tahap rendah, sederhana atau tinggi pengetahuan politik pengundi muda baharu di Malaysia dan data ini adalah data statistik daripada kumpulan data ordinal.

### Hasil Kajian

#### 1. Demografi Responden

Dapatan demografi kajian ini melaporkan 59.1% responden adalah berusia 18-20 tahun, manakala 30.3% yang berusia 21-23 tahun dan selebihnya adalah yang berusia 24-26 tahun. Umur responden dikawal bagi memastikan responden kajian ini adalah kumpulan pengundi muda baharu di Malaysia. Ketika kajian ini dilaksanakan terdapat empat negeri telah melaksanakan Pilihan Raya Negeri (PRN), iaitu Sabah, Sarawak, Melaka dan Johor Bahru. Oleh itu, seramai 11.5% responden telah mengundi, manakala 88.5% adalah yang belum mempunyai pengalaman mengundi. Secara total, responden kajian ini adalah pengguna media baharu dan merupakan pengguna media yang aktif, di mana 62.9% menggunakan media baharu 4 jam dan ke atas setiap hari. Responden kajian ini turut melaporkan mereka menggunakan media baharu (93.1%) untuk mendapatkan maklumat politik berbanding media cetak dan media elektronik.

Objektif kajian ini untuk menilai tahap struktur pengetahuan politik di kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Jadual 2 melaporkan kaedah pembahagian skala Likert tujuh kepada skala tahap min. Skala likert tujuh dalam kajian ini terdiri daripada skor 1 hingga 7, di mana skala 1 merujuk kepada sangat tidak bersetuju dan skala 7 merujuk kepada sangat bersetuju.

Jadual 2 Julat skor min

Skala Min	Tahap
1.00 hingga 3.00	Rendah
3.01 hingga 5.01	Sederhana
5.02 hingga 7.00	Tinggi

#### 2. Analisis Tahap Maklumat Demokrasi

Dapatan kajian ini melaporkan tahap struktur pengetahuan politik daripada dimensi maklumat demokrasi adalah tinggi dan ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang Perlembagaan Persekutuan, struktur pemerintahan negara dan struktur Dewan Rakyat yang dibentuk selepas pilihan raya.

Jadual 3. Julat skor min maklumat demokrasi

Maklumat Demokrasi	Min	Sisihan Piawai
Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia.	5.42	1.781
Parlimen berkuasa membentuk undang-undang Malaysia	5.20	1.795
Ketua Negara Malaysia adalah Yang di-Pertuan Agong	5.78	1.594
Parlimen ialah institusi perundangan yang menggubal undang-undang di Malaysia	5.31	1.757
Parlimen Malaysia terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat	5.46	1.702
Keanggotaan Dewan Rakyat seramai 222 Ahli Dewan Rakyat yang dipilih dalam proses pilihan raya	5.08	1.851
Dalam Perlembagaan Persekutuan, bahasa rasmi adalah Bahasa Melayu	5.88	1.655
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>5.45</b>	<b>1.734</b>

Jadual 3 menunjukkan majoriti pengundi muda baharu di Malaysia mengetahui bahawa dalam Perlembagaan Persekutuan, Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara (M=5.88,

SD=1.655). Responden juga mempunyai tahap tinggi maklumat demokrasi berkenaan fungsi Yang DiPertuan Agong sebagai Ketua Negara (M=5.78, SD=1.594) dan mengetahui tentang struktur Parlimen Malaysia (M=5.46, SD=1.702). Oleh itu, jumlah keseluruhan min bagi maklumat demokrasi adalah tinggi (M=5.45, SD=1.734).

### 3. Analisis Tahap Maklumat Pilihan Raya

Kajian ini turut melaporkan responden mempunyai tahap struktur pengetahuan politik daripada dimensi maklumat pilihan raya adalah tinggi. Walaupun pelaksanaan penurunan had umur mengundi dilaksanakan secara drastik, namun majoriti responden sangat bersetuju bahawa mereka mengetahui had umur mengundi diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun (M=5.99, SD=1.550) dan majoriti responden sangat bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang pendaftaran pengundi secara automatik (M=5.89, SD=1.605). Agak mengejutkan apabila pengundi muda baharu ini turut mengetahui tentang sistem pilihan raya di Malaysia (M=5.82, SD=1.550), tempoh maksimum pilihan raya diadakan (M=5.77, SD=1.574) dan keperluan pelaksanaan pilihan raya (M=5.75, SD=1.653). Justeru itu, jumlah keseluruhan min bagi maklumat pilihan raya adalah tinggi (M=5.75, SD=1.618).

Jadual 4. Julat skor min maklumat pilihan raya

Maklumat Pilihan raya	Min	Sisihan Piawai
Sistem pilihan raya di Malaysia adalah berdasarkan majoriti mudah	5.82	1.550
Umur minimum pengundi di Malaysia adalah 18 tahun.	5.99	1.550
Pendaftaran pengundi umur 18 tahun adalah secara automatik.	5.89	1.605
Pilihan Raya Umum diadakan apabila Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan	5.75	1.653
Pilihan Raya Kecil adalah untuk mengisi kekosongan kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri	5.53	1.676
Di Malaysia, Pilihan raya diadakan setiap 5 tahun sekali	5.77	1.574
Pilihan raya adalah proses memilih wakil rakyat di peringkat Negeri, iaitu Dewan Undangan Negeri.	5.50	1.721
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>5.75</b>	<b>1.618</b>

### 4. Analisis Tahap Maklumat Parti Politik

Selain maklumat demokrasi dan maklumat pilihan raya, kajian ini fokus untuk menilai tahap struktur pengetahuan daripada dimensi maklumat parti politik di kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Dapatan kajian ini melaporkan responden sangat bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang Parti Komponen Barisan Nasional (M=5.40, SD=1.902). Parti Komponen Pakatan Harapan (M=5.23, SD=2.014) dan UMNO adalah parti komponen Barisan Nasional (M=5.33, SD=1.990).

Jadual 5. Julat skor min maklumat parti politik

Maklumat Parti Politik	Min	Sisihan Piawai
Parti Komponen Barisan Nasional (BN)	5.40	1.902
Parti Komponen Pakatan Harapan (PH)	5.23	2.014
United Malays National Organisation (UMNO) adalah Parti Komponen BN	5.33	1.990
Malaysian Chinese Associations (MCA) adalah Parti Komponen BN	4.56	2.223
Malaysian Indian Congress (MIC) adalah Parti Komponen BN	4.45	2.195
Parti Keadilan Rakyat (PKR) adalah Parti Komponen PH	4.93	2.156
Democratic Action Party (DAP) Parti Komponen PH	4.83	2.181
Parti MUDA Parti Komponen PH	4.70	2.229
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>4.93</b>	<b>2.111</b>

Namun, Jadual 5 menunjukkan pengundi muda baharu dilaporkan mempunyai tahap pengetahuan politik yang sederhana mengenai parti komponen Barisan Nasional seperti Malaysian Chinese Associations (MCA) (M=4.56, SD=2.223) dan Malaysian Indian Congress (MIC) (M=4.45, SD=2.195). Mereka juga kurang mengetahui tentang parti komponen PH seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR) (M=4.93, SD=2.156),

Democratic Action Party (DAP) ( $M=4.83$ ,  $SD=2.181$ ) dan parti MUDA ( $M=4.70$ ,  $SD=2.229$ ). Oleh itu, kajian ini melaporkan pengundi muda baharu di Malaysia mempunyai tahap sederhana tentang maklumat parti politik di Malaysia ( $M=4.93$ ,  $SD=2.111$ ).

### 5. Analisis Tahap Struktur Pengetahuan Politik

Secara keseluruhannya, Jadual 6 menunjukkan julat skor min bagi struktur pengetahuan politik dan dapatan kajian ini melaporkan bahawa tahap struktur pengetahuan politik di kalangan pengundi muda baharu di Malaysia daripada dimensi maklumat demokrasi dan maklumat pilihan raya adalah di tahap tinggi. Namun, bagi struktur pengetahuan politik daripada dimensi maklumat parti politik adalah di tahap sederhana.

Jadual 6. Julat skor min

Dimensi	Min	Sisihan Piawai
Maklumat Demokrasi	5.45	1.734
Maklumat Pilihanraya	5.75	1.618
Maklumat Parti Politik	4.93	2.111
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>5.38</b>	<b>1.82</b>

### Perbincangan

Peranan media adalah untuk menyebarkan maklumat, membentuk struktur pengetahuan terutama pengetahuan politik dan akhirnya, mendorong kepada penyertaan politik. Masyarakat yang mempunyai tahap struktur pengetahuan yang tinggi adalah asas kepada kualiti sistem demokrasi dan penting untuk menjamin proses membuat keputusan menyertai aktiviti politik yang lebih matang serta berintegriti. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai 1) tahap struktur pengetahuan politik dari dimensi maklumat demokrasi, 2) tahap struktur pengetahuan politik dari dimensi maklumat pilihan raya dan 3) tahap struktur pengetahuan politik dari dimensi maklumat parti politik dan kajian ini fokus dalam konteks pengundi muda baharu di Malaysia.

Kajian ini melaporkan tahap struktur pengetahuan politik dari dimensi maklumat demokrasi adalah di tahap tinggi. Warganegara yang mempunyai tahap tinggi maklumat demokrasi dijangka membentuk sfera politik yang berkualiti kerana mereka berkecenderungan untuk memberi input dalam penggubalan dasar dan kepimpinan kerajaan (Sowula, 2023). Selain itu, kepentingan maklumat demokrasi di kalangan masyarakat turut memastikan rakyat faham tentang struktur pemerintahan negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan ini mendorong mereka untuk menyertai aktiviti politik dalam menentukan kerajaan yang memerintah. Namun, sorotan kajian lepas turut membuktikan tahap rendah struktur pengetahuan politik daripada dimensi maklumat demokrasi adalah disebabkan oleh tahap pengetahuan politik yang diuji tidak mengikut kumpulan responden yang sesuai dan ini menyebabkan pengujian domain pengetahuan politik yang berbeza kepada kumpulan responden yang tidak tepat (Rogers, 2023).

Justeru itu, kajian ini menguji item maklumat demokrasi yang telah didedahkan di peringkat sekolah, iaitu berkaitan dengan struktur kerajaan demokrasi (diterapkan dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah), Perlembagaan Persekutuan (Majid, 2020) dan struktur Parlimen (diterapkan dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah) (Shafiron et al., 2023). Ini mengambilkira domain pengetahuan politik yang sesuai dengan pengundi muda baharu (Martin & Sharma, 2023). Maklumat politik seperti isu semasa dan politik sering berat sebelah kepada pengundi muda baharu kerana secara amnya, minat untuk mengetahui isu-isu berkenaan hanya didorong oleh faktor luaran seperti keluarga (González et al., 2021) yang telah terlibat dalam mana-mana aktiviti politik. Oleh itu, penguasaan tahap tinggi maklumat demokrasi yang dimiliki oleh pengundi muda baharu di Malaysia adalah garapan dan pendedahan yang diterima dalam sukatan mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah. Hal ini membentuk struktur pengetahuan politik yang tinggi berkaitan Perlembagaan Persekutuan, Sistem Demokrasi dan Struktur Parlimen.

Selain itu, kajian ini turut melaporkan tahap struktur pengetahuan politik dari dimensi maklumat pilihan raya berada di tahap tinggi. Ini bermakna pengundi muda baharu di Malaysia mempunyai tahap tinggi pengetahuan tentang maklumat pilihan raya yang berkaitan dengan sistem dan badan pelaksana pilihan raya, penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun dan pendaftaran pengundi baharu adalah secara automatik. Responden turut sangat bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang proses pilihan raya dan



tempoh masa sesuatu pilihan raya seterusnya diadakan. Dapatan kajian ini membuka satu ilmu komunikasi politik dalam konteks struktur pengetahuan politik, khasnya untuk pengundi muda baharu. Semenjak polisi penurunan had umur mengundi mendapat kelulusan di Dewan Rakyat, pengundi muda baharu mula menjadi perhatian penyelidik sains politik (Ismail et al., 2023; Mohd Dzaki, 2022; Mohd Nizah & Abu Bakar, 2022) dan komunikasi politik (Razali et al., 2021; Zulkifli et al., 2021; Saahar @ Saabar et al., 2022; Mohd Faizal, 2023; Tajuddin et al., 2023) di Malaysia.

Kajian Saahar @ Saabar (2022) mengesahkan bahawa pengundi muda baharu bergantung kepada media baharu untuk mendapatkan maklumat politik ketika pilihan raya. Malah, beliau turut membincangkan kepentingan pengetahuan politik dalam mendorong pengundi muda baharu untuk mengundi ketika pilihan raya. Namun, kurang pengujian struktur pengetahuan politik yang dibincangkan. Hal ini sama dengan kajian Mohd Faizal (2023) terhadap penggunaan media baharu dan tingkahlaku mengundi di kalangan pengundi muda baharu mendapati responden mempunyai tahap rendah pengetahuan politik berikutan kurang minat mereka terhadap politik. Namun, Mohd Faizal (2023) tidak menyatakan secara terperinci apakah domain pengetahuan politik yang diukur. Berlainan pula dengan kajian Tajuddin et al. (2023) yang menguji struktur pengetahuan politik daripada dimensi maklumat polisi kerajaan, maklumat parti politik dan maklumat pengundian. Responden menjawab soalan ujian pengetahuan politik untuk mengesahkan bahawa responden benar-benar mempunyai tahap pengetahuan politik pada tahap cemerlang (tinggi). Namun, tidak dinyatakan apakah item pengukuran bagi domain struktur pengetahuan politik dalam kajiannya. Kajian Tajuddin et al. (2023) melaporkan pengundi muda baharu mempunyai tahap tinggi pengetahuan politik mengenai maklumat polisi kerajaan dan maklumat parti politik.

Kepentingan maklumat pilihan raya dibincangkan dalam kajian Ayinde & Keriafe (2020), di mana terdapat lima maklumat utama yang diperlukan oleh pengundi muda baharu ketika musim pilihan raya, iaitu pendaftaran pemilih, hal pengundi, proses pengundian, manifesto parti politik dan profil calon bertanding. Maklumat pilihan raya ini digunakan untuk memandu pengundi muda baharu untuk menyertai aktiviti politik, khususnya mengundi ketika pilihan raya. Penggunaan media arus perdana dan media baharu dalam menyebarkan maklumat turut dilaporkan signifikan terhadap pemahaman pengundi muda baharu tentang maklumat pilihan raya (Intyaswati & Venus, 2021). Media berperanan dalam menyebarkan maklumat pilihan raya ini membentuk proses komunikasi, mobilisasi (jentera parti kepada pengundi), promosi proses pilihan raya dan calon yang bertanding (Tomin, 2020), khususnya kepada pengundi muda baharu yang merupakan kumpulan muda di kalangan pengundi. Pengundi muda baharu hanya menyertai aktiviti politik apabila mereka yakin bahawa struktur pengetahuan politik mereka kukuh dengan penyelar luasan maklumat pilihan raya yang menyeluruh oleh organisasi pilihan raya dan parti politik (Adida et al., 2020). Oleh itu, kajian ini telah membuka satu pengetahuan baharu dalam bidang komunikasi politik berkenaan struktur pengetahuan politik daripada dimensi maklumat pilihan raya. Kajian ini yakin maklumat pilihan raya amat penting untuk diuji bagi memastikan pengundi muda baharu membuat keputusan yang wajar dan pertimbangan yang berasas mengikut pengetahuan politik ketika mengundi.

Seterusnya adalah struktur pengetahuan politik daripada dimensi maklumat parti politik. Kajian ini melaporkan responden mempunyai tahap sederhana pengetahuan politik berkenaan dengan maklumat parti politik. Kajian ini berpendapat kepincangan struktur politik negara sejak PRU14 dan PRU15 adalah faktor kecelaruan pengundi muda baharu di Malaysia untuk faham maklumat parti politik. Bagi tahap struktur pengetahuan politik dari dimensi maklumat parti politik, kajian ini melaporkan tahap sederhana pengetahuan politik pengundi muda baharu di Malaysia mengenai maklumat parti politik seperti Barisan Nasional, Pakatan Harapan, DAP, MUDA, PKR, MCA dan MIC. Kajian ini berpendapat bahawa tsunami politik yang melanda negara sejak PRU13 dan gelombangnya berterusan sehingga ke PRU14 (Junaidi et al., 2017) dan PRU15 menjadi asas kepada dapatan kajian ini yang melaporkan pengundi muda baharu di Malaysia mempunyai tahap sederhana pengetahuan politik mengenai maklumat parti politik. Ketidaktentuan sfera politik negara apabila pembentukan kerajaan tidak lagi daripada parti komponen yang mempunyai ideologi politik yang sama.

Ketika PRU-14 pembentukan Kerajaan Pakatan Harapan adalah gabungan daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), *Democratic Action Party* (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Amanah Negara. Gabungan ini dianggap satu cabaran apabilan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan

Presiden BERSATU terpaksa bekerjasama dengan seterunya Tan Sri Lim Kit Siang (Presiden Parti DAP), Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dato' Dr. Wan Ismail (isteri kepada Presiden PKR) dan Datuk Seri Haji Mohamad Sabu (Presiden AMANAH) demi menggulingkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri. Namun, gabungan ini tidak bertahan lama (21 bulan meneraju Kerajaan Persekutuan) apabila berlaku konflik dalaman gabungan parti politik ini membawa kepada pembubaran Kerajaan PH (Shahabudin et al., 2022) dan terbentuk Kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Pembentukan kerajaan PN adalah gabungan kesepakatan BN, PAS, PKR (kem Azmin Ali), BERSATU, Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Parti Bersatu Sabah (PBS). Kerajaan PN kekal menerajui Kerajaan Malaysia sehingga Pilihan Raya Umum Ke-15 akhir tahun 2022. Sekali lagi pembentukan Kerajaan Malaysia menghadapi kesulitan apabila jumlah kerusi setiap parti politik dan parti gabungannya tidak mampu mencapai majoriti mudah (Ariff Aizuddin, 2023). Akhirnya, pembentukan Kerajaan Perpaduan adalah gabungan gabungan parti politik gergasi di negara, iaitu Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS). Gelombang tsunami politik telah menyebabkan ketidaktentuan pembentukan kerajaan yang mempunyai pelbagai gabungan parti politik. Kajian ini berpendapat ketidaktentuan ini menyumbang kepada tahap rendah pengetahuan politik pengundi muda baharu mengenai maklumat parti politik di Malaysia.

Namun, kajian ini percaya bahawa kuasa media pada hari ini mampu menyumbang kepada pengetahuan dan kefahaman maklumat politik kepada pengundi muda baharu di Malaysia melalui fungsi tetapan algoritma. Tetapan Algoritma di media baharu berfungsi dengan menggunakan data melalui aktiviti pengguna dan ia berfungsi untuk mencadangkan maklumat, kumpulan dan berita yang berkaitan dengan kecenderungan pengguna media baharu (Metzler & Garcia, 2023). Bagi pengguna media yang aktif mencari maklumat politik tetapan algoritma berfungsi dengan efisien untuk mencadangkan forum, perbincangan, berita dan figura politik untuk diikuti (*follow*). Sejak 2011, apabila Facebook, memperkenalkan butang Suka (*like*) ini telah menjadikan suapan maklumat mengikut kecenderungan pengguna media. Sejurus kemudian, pengguna akan menerima cadangan kandungan dan maklumat yang berada dalam garis jajaran masa (*timeline*) seperti di *Facebook (News Feed)* (Garz & Szucs, 2023), *Instagram (suggested for you dan hashtag)* (Loukianov et al., 2023), *YouTube (Butang 'up next')*, *TikTok (fyp)*. Bagi pengundi muda baharu yang mempunyai minat politik yang tinggi, pencarian berita politik pasti menjurus carian mereka kepada maklumat parti politik (Thorson et al., 2021). Namun, bagi pengundi muda baharu yang mempunyai minat politik yang rendah, tetapan algoritma berfungsi melalui fenomena '*incidental news*,' di mana ketika kempen pilihan raya trusnami maklumat, kandungan dan berita politik terhidang di media baharu (Ohme, 2019). Tindakan pengundi muda baharu klik dan skrol sebenarnya telah memberi data kepada tetapan algoritma tentang kecenderungan ingin mengetahui maklumat politik di media baharu. Berpunca daripada klik dan skrol, pengundi muda baharu yang pasif atau kurang minat politik turut mendapat suapan maklumat politik disebabkan oleh tetapan algoritma di media baharu (Beardow, 2021).

## Kesimpulan

Kuasa media dalam membentuk dan memperkukuhkan struktur pengetahuan politik di kalangan pengundi muda baharu di Malaysia adalah satu ruang ilmu pengetahuan baharu yang signifikan mendapat perhatian pakar komunikasi politik. Kepentingan struktur pengetahuan politik terutama dalam dimensi maklumat demokrasi, maklumat pilihan raya dan maklumat parti politik dilaporkan mampu mendorong pengundi muda baharu untuk menyertai aktiviti politik. Di samping itu, struktur pengetahuan politik yang kukuh mengesahkan tindakan pengundi muda baharu untuk mengundi dengan pertimbangan yang rasional dan matang berdasarkan tahap pengetahuan politik yang tinggi. Kecenderungan keluar mengundi ketika pilihan raya dengan struktur pengetahuan politik yang kukuh adalah asas kepada kualiti sistem demokrasi negara, sekaligus membentuk sfera politik yang stabil dan selamat. Kajian ini turut signifikan kepada penggubal dasar terutama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk memantapkan strategi bagi meningkatkan kesedaran pengundi muda baharu tentang kepentingan mengundi ketika pilihan raya. SPR dicadangkan untuk menganjurkan program jangkauan (*outreach program*) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang fokus kepada pengundi muda baharu di Malaysia.

Kandungan program ini bukan sahaja kepada kempen kesedaran mengundi, malah satu inisiatif untuk meningkatkan rangkaian mereka dengan entiti kerajaan. Memuatnaik foto, penciptaan kandungan di media baharu dan *tag* media baharu milik SPR, KPM, KPT dan KBS bertujuan untuk mencetus tetapan algoritma dalam media baharu mereka berunsurkan polisi kerajaan. Ini adalah strategi ‘gesaan’ (*prompt*) kepada tetapan algoritma untuk mencadangkan kandungan berunsur politik dalam media baharu pengundi muda baharu. Cadangan ini bagi membantu pengundi muda baharu di Malaysia yang pasif dan kurang minat politik untuk mendapat pendedahan maklumat politik dalam media baharu mereka melalui rangkaian bersama maklumat polisi kerajaan.

**Penghargaan:** Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Pusat Penyelidikan Media dan Komunikasi, UKM atas sokongan dalam menjayakan penyelidikan ini.

**Kenyataan Persetujuan termaklum:** Penyelidikan ini telah diperakukan oleh Etika Penyelidikan di UKM (UKM PPI/11/8/JEP-2022-691). Sebarang isu berkaitan etika penyelidikan telah diperhalusi oleh Sekretariat Etika Penyelidikan di UKM.

**Konflik Kepentingan:** Tiada konflik kepentingan yang terlibat antara penulis dengan penyelidikan ini.

## Rujukan

- Aljalabneh, A. A. S., Alzoubi, A. F., & Shlool, H. (2023). Facebook as a contemporary public sphere for opinion expression and participation: Jordan as a case study. *Studies in Media and Communication*, 11(3), 70–78. <https://doi.org/10.11114/SMC.V11I3.5984>
- Ar-robbaniy, N. A., Rahmawati, H., & Shanti, P. (2022). The relationship between attitudes and the use of instagram for political participation among college students. *Psychology Research on Education and Social Sciences*, 3(4), 103–109.
- Ariff Aizuddin, Azlam & Muhamad Nadzri, M. N. (2023). Dari Barisan ke Perikatan: Politik, parti dan pengundi dalam pilihan raya umum 2022. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 137–153.
- Azevedo, F., Micheli, L., & Bolesta, D. S. (2023). Does stereotype threat contribute to the political knowledge gender gap? A preregistered replication study of Ihme and Tausendpfund (2018). *Journal of Experimental Political Science*, 00(00), 1–12. <https://doi.org/10.1017/xps.2022.35>
- Beardow, J. (2021). Scroll, click, like, share, repeat: The algorithmic polarisation phenomenon. *ANU Journal of Law and Technology*, 2(1), 153–164.
- Boulianne, S., & Larsson, A. O. (2023). Engagement with candidate posts on Twitter, Instagram, and Facebook during the 2019 election. *New Media and Society*, 25(1), 119–140. <https://doi.org/10.1177/14614448211009504>
- Bruce, R., & Lima, R. C. (2019). Compulsory voting and TV news consumption. *Journal of Development Economics*, 138(January), 165–179. <https://doi.org/10.1016/j.jdeveco.2019.01.006>
- Eichhorn, J., & Bergh, J. (2021). Lowering the voting age to 16 in practice: Processes and outcomes compared. *Parliamentary Affairs*, 74(3), 507–521. <https://doi.org/10.1093/pa/gsab019>
- Ellyanis, N., Basori, M., & Awang Besar, J. (2020). Pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(5), 1823–1884. <https://core.ac.uk/download/pdf/333872119.pdf>
- Garz, M., & Szucs, F. (2023). Algorithmic selection and supply of political news on Facebook. *Information Economics and Policy*, 62(2), 1–30. <https://doi.org/10.1016/j.infoecopol.2023.101020>
- Gil de Zúñiga, H., Ardèvol-Abreu, A., & Casero-Ripollés, A. (2021). WhatsApp political discussion, conventional participation and activism: exploring direct, indirect and generational effects. *Information Communication and Society*, 24(2), 201–218. <https://doi.org/10.1080/1369118X.2019.1642933>
- González, R., Alvarez, B., Manzi, J., Varela, M., Frigolett, C., Livingstone, A. G., Louis, W., Carvacho, H., Castro, D., Cheyre, M., Cornejo, M., Jiménez-Moya, G., Rocha, C., & Valdenegro, D. (2021). The

- role of family in the intergenerational transmission of collective action. *Social Psychological and Personality Science*, 12(6), 856–867. <https://doi.org/10.1177/1948550620949378>
- Halim, H., Mohamad, B., Dauda, S. A., & Azizan, F. L. (2021). Association of online political participation with social media usage, perceived information quality, political interest and political knowledge among Malaysian youth : Structural equation model analysis. *Cogent Social Sciences*, 7(1), 1–20. <https://doi.org/10.1080/23311886.2021.1964186>
- Hermawan, I. C., Mulyadi, M. B., & Septian, A. (2020). Perception of students as a beginner voter on general election in Cianjur District. *International Journal of Criminology and Sociology*, 9(2), 1853–1861.
- Hung, L. E. E. T. (2022). Tiktok content in communication strategy: Politics of the 15th General Election in Malaysia. *Higher Education and Oriental Studies*, 2(6), 24–33. <https://doi.org/10.54435/heos.v2i6.83>
- Hutasoit, K., & Gusfa, H. (2020). The effect of television media on beginner voters' political participation. *Jurnal Studi Komunikasi (Indonesian Journal of Communications Studies)*, 3(November), 583–596. <https://doi.org/10.25139/jsk.v4i3.2432>
- Intyaswati, D., Maryani, E., Sugiana, D., & Venus, A. (2021). Using media for voting decision among first-time voter college students in West Java, Indonesia. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 10(1), 327–339. <https://doi.org/10.36941/ajis-2021-0028>
- Intyaswati, D., & Venus, A. (2021). *Using Media for Voting Decision among First-time Voter College Students in West Java , Indonesia*. 2003, 327–339.
- Islam, M. R., Khan, N. A., & Baikady, R. (2022). Principles of social research methodology. In *Principles of Social Research Methodology* (Issue October, pp. 167–179). Springer Nature Singapore. <https://doi.org/10.1007/978-981-19-5441-2>
- Ismail, M. M., Adnan, Z. H., & Ishak, M. S. (2023). Kecenderungan pengundi baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 224–240.
- Johansson, H., & Scaramuzzino, G. (2023). Digital resource abundance: How social media shapes success and failure of online mobilisation. *Convergence*, 29(3), 586–601. <https://doi.org/10.1177/13548565221149853>
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, & Mazlan Ali. (2017). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar' (Malaysia's General Election (GE) 2013: An analysis of urban political 'tsunami'). *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 10(4), 28–38.
- Junaidi, Awang Besar. (2023). Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(1), 168–180.
- Karimi, K., & Fox, R. L. (2023). Scrolling, sipping, and mobilizing: TikTok's influence over Generation Z's Political Behavior. *The Journal of Social Media in Society*, 12(1), 181–208.
- Kwiatkowska, A., & Czeńnik, M. (2020). Electoral system, political knowledge and voter turnout - Complex liaisons. *Polish Sociological Review*, 212(4), 425–444. <https://doi.org/10.26412/psr212.03>
- Lang, A. (2023). Voting at 16? 16–17-Year-Old Germans vote as correctly as adults. *Political Psychology*, 44(4), 857–870. <https://doi.org/10.1111/pops.12892>
- Lee, C. (2020). *The Lowered Voting Age in Malaysia : Who Will Benefit ?* (Vol. 5, Issue 1).
- Lee, J., & Hardy, R. J. (2019). Positive messages as a motivator for seeking information about candidates. *Politics and Policy*, 47(5), 877–901. <https://doi.org/10.1111/polp.12326>
- Lee, S., Nanz, A., & Heiss, R. (2022). Platform-dependent effects of incidental exposure to political news on political knowledge and political participation. *Computers in Human Behavior*, 127(June 2021), 107048. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2021.107048>
- Loukianov, A., Burningham, K., & Jackson, T. (2023). The patterning of the discursive space in search for the #goodlife: A network analysis of the co-occurrence of Instagram hashtags. *Information Society*, 39(1), 62–78. <https://doi.org/10.1080/01972243.2022.2125604>
- Lozano-Blasco, R., Mira-Aladrén, M., & Gil-Lamata, M. (2023). Social media influence on young people and children: Analysis on Instagram, Twitter and YouTube. *Comunicar*, 30(74), 117–128. <https://doi.org/10.3916/C74-2023-10>
- Lu, Y., & Lee, J. K. (2020). Determinants of cross-cutting discussion on Facebook: Political interest, news

- consumption, and strong-tie heterogeneity. *New Media and Society*, 23(1), 175–192. <https://doi.org/10.1177/1461444819899879>
- Mahathir, M. (2019, April). *Teks ucapan menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019*. <https://pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/04/Ucapan-Penggulungan-YAB-PM-RUU-Perlembagaan.pdf>
- Majid, K. & I. (2020). Signifikan pendidikan sejarah Perlembagaan dalam melestarikan institusi beraja. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4), 321–338.
- Malaysia, S. P. raya. (2022). *Suruhanjaya Pilihan Raya*. Latar Belakang.
- Martin, J. D., & Sharma, K. (2023). Are newsjunkies more likely to vote? Intrinsic need for orientation and voter registration, intention to vote, and voter conscientiousness. *Political Psychology*, 44(1), 197–214. <https://doi.org/10.1111/pops.12834>
- Metzler, H., & Garcia, D. (2023). Social drivers and algorithmic mechanisms on digital media. *Perspectives on Psychological Science*. <https://doi.org/10.1177/17456916231185057>
- Meyerhoefer, H. C. C. D. (2023). Do elections make you sick? Evidence from first-time voters. *Health Economic*, 9(2), 1064–1083. <https://doi.org/10.1002/hec.4655>
- Michalski, P., Marchlewska, M., Furman, A., Szczepańska, D., Panayiotou, O., Molenda, Z., & Górska, P. (2023). To advise and scrutinize the government? Two types of political knowledge, political trust and unconventional participation. *Current Psychology*, 42(14), 12104–12117. <https://doi.org/10.1007/s12144-021-02561-2>
- Michell, J. (1997). Quantitative science and the definition of. *British Journal of Psychology*, 88, 355–383.
- Mohd Dzaki, M. Z. Bin. (2022). Sifat dan tingkah laku politik pengundi Undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), 1–9. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1941>
- Mohd Faizal, K. (2023). Undi 18: Understanding the political participation of first-time Malay voters through social media. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 2023(Special Issue), 33–48.
- Mohd Nizah, M. A., & Abu Bakar, A. R. (2022). Undi 18, dinamika politik dan keselamatan negara: Analisa daripada Pilihan Raya Negeri Johor 2022. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2), 1–14.
- Mont'Alverne, C., Moraes, D., & Kemer, T. (2023). Are politically engaged citizens more democratic? A glimpse from Brazil. *International Political Science Review*, 44(3), 354–369. <https://doi.org/10.1177/01925121211056578>
- Nizah, M. A. M. (2019). Undi 18: Belia dan politik konvensional. *Seminar Tamadun, Etnik Dan Turath Islami, October*, 304–210.
- Ohme, J. (2019). When digital natives enter the electorate: Political social media use among first-time voters and its effects on campaign participation. *Journal of Information Technology and Politics*, 16(2), 119–136. <https://doi.org/10.1080/19331681.2019.1613279>
- Ohme, J. (2020). Mobile but Not mobilized? Differential gains from mobile news consumption for citizens' political knowledge and campaign participation. *Digital Journalism*, 8(1), 103–125. <https://doi.org/10.1080/21670811.2019.1697625>
- Othman, I. W., Ibrahim, M. A., & Esa, M. S. (2022). Democratization and mature elections: A study of youth political participation in voters 18 and automatic voter registration. *International Journal of Law, Government And Communication*, 7(29), 600–622. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.729041>
- Pallant, J. (2016). Preliminary analyses. In *SPSS: Survival manual*. Open University Press.
- Razali, M. M., Hussin, N. I., Moral, J. P., Karakter, P., Pendidikan, U., Idris, S., & Malim, T. (2021). Media baharu dan aktiviti politik belia Melayu di Selangor. *Journal of Social Scienc*, 7(1), 45–54.
- Razali, S. Z., & Abdul Hani, M. L. H. (2022). “If there is a declaration of war, we welcome the war”: Undi-18, TikTok election and normalisation of violence. *Journal of Strategic Studies & International Affairs*, 2(2), 183–198. <https://doi.org/10.17576/sinergi.0202.2022.08>
- Reiter, F., & Matthes, J. (2023). Correctives of the mainstream media? A panel study on mainstream media use, alternative digital media use, and the erosion of political interest as well as political knowledge. *Digital Journalism*, 11(5), 813–832. <https://doi.org/10.1080/21670811.2021.1974916>

- Rogers, S. (2023). What Americans know about Statehouse Democracy. *State Politics and Policy Quarterly*, 23(4), 420–442. <https://doi.org/10.1017/spq.2023.19>
- Sahide, N., & Pauzi, H. M. (2023). Strategi daya tindak dan kesejahteraan subjektif dalam kalangan remaja di Semenanjung Malaysia. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), 103–117.
- Sanawi, J. B., Mustaffa, N., & Sannusi, S. N. (2022). Political discussion on Twitter: Attributes of political issues in Malaysian media's tweets during pre and post 14th General Election. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 231–249. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3804-13>
- Sehl, A., & Schützeneder, J. (2023). Political knowledge to go: An analysis of selected political influencers and their formats in the context of the 2021 German federal election. *Social Media and Society*, 9(2). <https://doi.org/10.1177/20563051231177916>
- Shafiron, N. S., Boyman, S. N., & Razak, N. (2023). Analisis perbandingan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(Special Issue), 106–121. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.9.2023>
- Shahabudin, M. S., Nadzri, M., & Noor, M. (2022). Politik dan pilihan raya pakatan harapan pasca Sheraton, 2020-2022. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(11), 2020–2022.
- Sharif, M. A. M. N. & S. M. (2020). Undi 18 : Belia dan Politik Konvensional. *Sains*, 5(1), 180–186.
- Sowula, J. (2023). Mind the gap: Young people and welfare-state related knowledge in deservingness and welfare attitude research. *Journal of European Social Policy*, 34(1), 101–114. <https://doi.org/10.1177/09589287231222884>
- Suhaimee, Saahar, Mohd Khairuddin, Othman, Ahmad Danial Faris, A. (2022). Kesan senario politik ke atas tingkah laku dan niat pengundi PRN Johor 2022. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001479. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1479>
- Tajuddin, S. N. A. A., Joni, J., & Bahari, K. A. (2023). Political communication: Uncovering knowledge, attitudes and young voters' readiness for PRU-15 in Batang Padang District, Perak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 459–472. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-26>
- Thorson, K., Cotter, K., Medeiros, M., & Pak, C. (2021). Algorithmic inference, political interest, and exposure to news and politics on Facebook. *Information Communication and Society*, 24(2), 183–200. <https://doi.org/10.1080/1369118X.2019.1642934>
- Tonge, J., Loughran, T., & Mycock, A. (2021). Voting age reform, political partisanship and multi-level governance in the UK: The party politics of “votes-at-16.” *Parliamentary Affairs*, 74(3), 522–541. <https://doi.org/10.1093/pa/gsab020>
- Turner, D. P. (2019). Sampling methods in research design. *American Headache Society*, 60(1), 8–12. <https://doi.org/10.1111/head.13707>
- Unkel, J., & Haim, M. (2021). Googling politics: Parties, sources, and issue ownerships on Google in the 2017 German federal election campaign. *Social Science Computer Review*, 39(5), 844–861. <https://doi.org/10.1177/0894439319881634>
- Vogler, D., Weston, M., Ryffel, Q., Rauchfleisch, A., Jürgens, P., Eisenegger, M., Schwaiger, L., & Christen, U. (2023). Mobile news consumption and its relation to young adults' knowledge about and participation in referendums. *Media and Communication*, 11(1), 6–18. <https://doi.org/10.17645/mac.v11i1.6029>
- Weiss, M. L. (2022). Undi18: Youth vote only part of story. *RSIS Commentary*, 1(January 2022), 1–4. [www.rsis.edu.sg](http://www.rsis.edu.sg)
- Wunderlich, L., & Hölig, S. (2022). Types of information orientation and information levels among young and old news audiences. *Media and Communication*, 10(3), 104–117. <https://doi.org/10.17645/MAC.V10I3.5293>
- Zulkifli, N., Omar, S. K., Farizah, N., Hassan, M. S., Rahimi, M., & Rosman, M. (2021). Pengaruh media baru dan penglibatan politik belia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 63–77.